

04 JUL 1996

Mahathir - Persidangan

MAHATHIR RASMI PERSIDANGAN MULTIMEDIA

KUALA LUMPUR, 4 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan Multimedia Asia `96 iaitu Ekspo dan Persidangan Super Koridor Multimedia Malaysia di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini pada 1 Ogos.

Beliau juga akan mengetuai perbincangan panel bertajuk Faktor-faktor Kritikal Kejayaan bagi Super Koridor Multi Media (MSC) yang akan membincangkan kehendak MSC bagi memperseimbangkan teknologi, ekonomi dan pembangunan sosial.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim akan mempengerusikan perbincangan panel bertajuk Dimensi Masyarakat Multi Media Global daripada segi Sosio Budaya.

Perbincangan panel ketiga mengenai "Masyarakat Elektronik Asia Timur" akan dipengerusikan oleh Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie.

Perbincangan lain akan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan Tan Sri Clifford Herbert dan Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi Tan Sri Ali Abul Hassan.

Dalam pada itu, pameran mengenai produk dan perkhidmatan teknologi oleh syarikat-syarikat tempatan dan antarabangsa akan diadakan sempena persidangan itu.

Persidangan itu ialah anjuran Majlis Teknologi penerangan Negara (NITC) yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, dan anjuran bersama Reed Exhibition Sdn Bhd dan disokong oleh Institut Sistem Mikro Elektronik Malaysia (MIMOS).

Super Koridor Multimedia bertujuan menarik syarikat-syarikat berteknologi tinggi melabur di Malaysia.

Super Koridor Malaysia menghubungkan tiga projek raksasa: Kuala Lumpur City Centre, pusat pentadbiran serba moden di Putrajaya dan Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang.

Perdana Menteri telah mempelawa Bill Gates, pengasas syarikat perisian terbesar di dunia iaitu Microsoft menganggotai panel bagi mempromosikan Super Koridor Malaysia. -- BERNAMA

NI CTL FAZ